

CNS2659

R GB 01-04 00177 BA968

Bah

Rahim - Pusat

MELAKA, 1 April (Bernama) -- Kerajaan negeri akan membuka pusat kemahiran pembangunan bagi melatih anak tempatan dengan kemahiran perindustrian yang dikehendaki selaras dengan pembangunan perindustrian di negeri ini.

Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik hari ini berkata, sebuah jawatankuasa khas akan ditubuh dan dianggotai oleh badan-badan kemahiran bagi membentuk pusat itu.

Arahan bagi penubuhan pusat itu dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua menteri besar dan ketua menteri semasa mesyuarat di Kuala Lumpur, Sabtu lepas, katanya.

Latihan kemahiran yang dijalankan di pusat itu hendaklah yang dapat membantu pelajar memperolehi pekerjaan dalam sektor yang diperlukan, kata Tan Sri Haji Abdul Rahim pada majlis penyerahan pegawai Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) kepada anak-anak syarikat PKNM, dekat sini.

Katanya, pusat dan institut perindustrian yang ada sekarang tidak menyediakan kursus yang memenuhi keperluan negara dan sektor perindustrian sehinggakan banyak graduan tidak mendapat pekerjaan dalam sektor berkenaan dan perlu dilatih semula dengan kemahiran perindustrian yang dikehendaki oleh majikan. -- Lagi.

♥01/04/18-16MST

CNS2660

R GB 01-04 00095 BA969

Bah

Rahim - Pusat 2 Melaka

Tan Sri Haji Abdul Rahim berkata, latihan sedemikian bukan sahaja membantu pelajar memperolehi pekerja malahan secara langsung membangunkan sektor perindustrian dengan lebih berkesan.

Beliau berkata semasa mesyuarat itu, mereka berbincang kemungkinan mewujudkan syarikat-syarikat pengurusan untuk mentadbir kawasan perindustrian dan perumahan di seluruh negara. Kini penyenggaraan kawasan itu di bawah kerajaan tempatan.

Tan Sri Haji Abdul Rahim berkata kerajaan negeri telah melantik sebuah syarikat juruaudit untuk membuat semakan dalam perkara yang berkaitan kewangan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM). -- Bernama.

♥01/04/18-16MST